



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/10/2011

Aziz Bari kurang ajar - Dr. M

PARIT 16 Okt. - Tindakan pen-syarah undang-undang Univer-siti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Dr. Abdul Aziz Bari mempertikaikan titah Sultan Selangor, Sultan Shafaruddin Idris Shah adalah perlakuan kurang ajar.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun ia mungkin tidak me-

nyalahi undang-undang, tinda-kan Abdul Aziz yang enggan me-minta maaf atas kesilapannya itu jelas bertentangan dengan prin-sip moral.

"Kalau dalam bahasa Mela-yu, kita kata kurang ajar. Sama ada ia melanggar undang-un-dang, saya tidak tahu, tetapi dari segi moral, ia kurang ajar," katanya kepada pemberita se-

lepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-11 Universiti Teknologi Petronas (UTP), di si-ni hari ini.

Selasa lalu, Abdul Aziz men-cetuskan kontroversi apabila se-cara terbuka mempertikai titah peringatan Sultan Sharafuddin berhubung isu cubaan memur-tadkan umat Islam di sebuah ge-reja Ogos lalu.

Beliau mendakwa, tindakan Sultan Selangor itu tidak kon-sisten dan tidak selaras dengan ajaran Islam.

Ekoran itu, pelbagai pihak mendesak Abdul Aziz memohon maaf kepada Sultan Selangor te-tapi beliau bertegas, tiada sebab untuk meminta maaf malah, de-ngan lantang mempertahankan kenyataannya itu.